



TENGGU ABDULLAH (kiri) menyampaikan Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada Kamarulzaman pada majlis Konvokesyen UMP ke-13 di Kuantan semalam.

Bentuk generasi muda sebagai pemimpin masa hadapan

KUANTAN - Pemangku Sultan Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menyarankan supaya mahasiswa dididik dengan kerangka sosial yang dipersetujui bersama semua kaum dalam pembentukan negara.

Baginda bertitah, kerangka sosial berkenaan adalah modul yang membentuk persefahaman dan perpaduan rakyat sehingga membawa kepada pembinaan sebuah negara serta tamadun yang unggul.

Menurut baginda, kerangka itu termasuklah kedudukan agama Islam, hak keistimewaan orang Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu.

"Institusi pendidikan perlu memainkan peranan dalam membentuk generasi muda sebagai pemimpin masa hadapan.

"Mereka perlu dididik dengan asas kerangka sosial supaya mereka mempunyai kekuatan ilmu, ekonomi, agama dan memiliki nilai-nilai kemanusiaan," titah baginda pada Majlis Konvokesyen **Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke-13** di sini semalam.

Pada majlis berkenaan sebanyak 2,773 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Pada majlis itu, adinda Sultan Pa-

hang, Leftenan Kolonel Tengku Datuk Seri Kamarulzaman Sultan Abu Bakar dianugerahkan Anugerah Profesional Pencapaian Sepanjang Hayat.

Beliau yang juga graduan Ijazah Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek merupakan antara dua pelajar terbaik daripada 221 graduan ijazah sarjana eksekutif dengan gred purata 3.92.

Menurut Kamarulzaman, anugerah berkenaan merupakan satu pengiktirafan yang bermakna dan menjadi bukti bahawa umur bukanlah penghalang untuk seseorang menuntut ilmu pada tahap lebih tinggi.